

Siaran Media

PRESS RELEASE

MDA Perkuukh Kerjasama Strategik Bersama Lazada Bagi Mengawal Penjualan dan Pengiklanan Peranti Perubatan Dalam Talian

Cyberjaya, 15 Januari 2026

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah mengadakan satu sesi perjumpaan bersama Lazada Malaysia bagi membincangkan kerjasama strategik ke arah memperkukuh kawalan penjualan dan pengiklanan peranti perubatan di platform e-dagang tersebut.

Melalui perbincangan tersebut, kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan untuk memperkukuh kawalan penjualan peranti perubatan di platform e-dagang. Antara langkah yang dipersetujui ialah keperluan kepada penjual untuk mengemukakan maklumat pendaftaran peranti perubatan, kelulusan pengiklanan serta Surat Diberi Kuasa sebagai prasyarat sebelum sesuatu peranti perubatan dibenarkan untuk dijual di platform Lazada. Selain itu, pihak Lazada turut bersetuju untuk menempatkan penjualan peranti perubatan melalui saluran LazMall bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan kawal selia yang ditetapkan.

Bagi memperkukuh pelaksanaan inisiatif ini, MDA akan menyediakan senarai peranti perubatan yang tidak dibenarkan untuk dijual secara dalam talian, termasuk peranti perubatan untuk kegunaan profesional, serta membangunkan satu petunjuk khas bagi menandakan status pendaftaran peranti perubatan sebagai panduan kepada pengguna. MDA juga akan bekerjasama rapat dengan pihak Lazada dalam melaksanakan program kesedaran kepada penjual dan pembeli mengenai keperluan perundangan dan pematuhan terhadap peraturan peranti perubatan, selaras dengan usaha memastikan hanya peranti perubatan yang mematuhi undang-undang dipasarkan kepada orang awam.

Seiring dengan inisiatif ini, MDA turut akan memperluas kerjasama strategik dengan penyedia platform e-dagang lain yang aktif di Malaysia seperti Shopee, TikTok dan platform-platform berkaitan dari semasa ke semasa. MDA komited untuk memastikan kawalan yang lebih menyeluruh terhadap penjualan dan pengiklanan peranti perubatan secara dalam talian.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
(Medical Device Authority)